

PENGIKLANAN INTERNET: EFEKTIF TAPI MENGANCAM

Oleh: Azila Alya bt Dahalan

CyberSecurity Malaysia

(Artikel ini telah disiarkan di dalam Estidotmy, 27 Disember 2007)

Pertumbuhan mendadak teknologi Internet telah mencetuskan satu revolusi dalam industri pengiklanan.

Ramai peniaga telah beralih kepada kaedah pengiklanan menerusi Internet untuk mengiklankan perniagaan mereka kerana keupayaannya menyebarkan maklumat serta mampu menarik perhatian ramai orang di serata dunia.

Sehingga Mac 2007 sahaja, jumlah pengguna Internet seluruh dunia telah mencecah sehingga 1.1 bilion orang, yang terdiri daripada golongan kanak-kanak sehingga golongan warga emas.

Terdapat pelbagai teknik pengiklanan menerusi Internet yang digunakan seperti tetingkap muncul (*pop-up window*), kata kunci di enjin pencarian, pengiklanan menerusi *banner*, pengiklanan media pelbagai (*Rich Media*), kajian dan penawaran dan lain-lain lagi.

Lebih menarik lagi pengiklanan Internet ini tidak memerlukan kos yang tinggi malah boleh dibuat tanpa bayaran sekiranya individu tersebut mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan laman web.

Tambahan pula pengiklanan di Internet tidak mempunyai badan penapisan dan individu boleh mengiklankan apa saja maklumat yang mereka inginkan.

Namun terdapat sebilangan pihak telah menyalahgunakan kemudahan teknologi yang sedia ada.

Disebabkan pengiklanan Internet tidak mempunyai sekatan dan penapisan, golongan yang tidak bertanggungjawab ini telah mengambil kesempatan mengiklankan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak bermoral dan tidak berkualiti.

Apa yang menyediakan pengiklanan seperti ini dilakukan dengan teknik tetingkap muncul (*pop up window*) yang mana dengan sendirinya akan menyiarkan iklan tersebut tanpa kawalan daripada pengguna Internet.

Walaupun terdapat kemudahan penyekat tertingkap (*pop up blocker*), namun berapa ramaikah yang tahu menggunakannya?

Dan sekiranya pengiklanan melalui teknik tersebut boleh dielakkan, bagaimana pula hendak mengawal jenis pengiklanan yang menggunakan teknik *Rich Media* yang mana dengan sendirinya akan membuka iklan tersebut sekiranya kursor tetikus diletakkan di atasnya?

Laman web lucah umpamanya, kajian menunjukkan terdapat sebanyak 4.2 juta laman web tersebut di Internet, iaitu 12 peratus daripada jumlah keseluruhan laman web di Internet.

Pertumbuhan pesat laman-laman web lucah ini telah mengwujudkan persaingan antara pengendali-pengendali laman web.

Laman-laman web lucah ini menawarkan gambar dan video lucah, perkhidmatan seks dan peralatan keperluan seks.

Pengendali laman web ini berusaha mempromosikan laman web mereka menerusi pengiklanan.

Lazimnya pengendali laman web lucah akan mempromosi produk dan perkhidmatan mereka menerusi teknik pengiklanan *banner* yang memerlukan seseorang mengklik ke *banner* tersebut untuk ke laman web mereka.

Lebih menyedihkan, mereka meletakkan gambar-gambar lucah di dalam iklan mereka untuk menarik ramai pengunjung.

Teknik pengiklanan menerusi *pop-up window* sering juga digunakan oleh pengendali laman web lucah untuk mempromosi laman web mereka.

Walau apa pun teknik pengiklanan yang mereka gunakan, namun jelas ianya melanggar tatasusila dan peradaban kita.

Selain dari itu, baru-baru ini kita sering di dedahkan dengan isu-isu skim pelaburan Internet. Ramai yang telah tertipu dan menjadi mangsa.

Persoalannya, bagaimana mereka terpengaruh? Apa yang pasti di sini ialah peranan yang dimainkan oleh iklan-iklan yang dipaparkan di Internet.

Tanpa menggunakan visual atau video, pengguna Internet mudah diperdaya hanya dengan menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menarik minita mereka seperti "Ingin menjadi JUTAWAN?" atau "Pendapatan LUMAYAN dalam masa SEMINGGU!!!".

Malah mereka turut mempromosikan skim pelaburan mereka menerusi e-mel dengan menggunakan testimoni tentang kejayaan pengirim memperoleh sejumlah wang yang banyak dalam masa seminggu dan pelbagai lagi cerita kejayaan mereka yang menceburi skim pelaburan tersebut.

Biasanya mereka yang mempunyai masalah kewangan serta cetak pengetahuan mengenai ilmu-ilmu pelaburan akan mudah terpengaruh dengan skim-skim sebegini.

Kita juga sering digangu dengan bentuk pengiklanan yang menawarkan perjudian 'ala kasino'.

Lazimnya pengendali laman web ini akan cuba mempromosikan laman mereka dengan menawarkan permainanan 'ala kasino' beserta pulangan lumayan.

Golongan remaja biasanya mudah teruja untuk mencuba dan boleh menjerumuskan golongan ini ke dalam kancang perjudian.

Tidak kurang juga, terdapat segelintir pengiklanan mengiklankan produk- produk yang dicurigai kualitinya seperti produk-produk kecantikkan, produk pelangsingan berat badan, vitamin, ubat-ubatan dan lain-lain lagi.

Produk sebegini lazimnya tidak mendapat atau gagal mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa.

Pengguna Internet yang obses dengan kecantikkan dan keterampilan diri akan mudah tertarik dengan penjelasan tentang keberkesanan produk tersebut tanpa mengetahui kesan sampingannya.

Seperti yang kita maklum, golongan kanak-kanak dan remaja adalah golongan yang mudah dijahah pemikirannya.

Mereka akan mudah terpengaruh dengan iklan-iklan yang terpapar di Internet.

Kemunculan pengiklanan Internet yang tidak beretika ini, dikhuatiri boleh menjerumuskan mereka kepada elemen-elemen yang tidak bermoral.

Bayangkan anak-anak yang berusia 10 tahun atau remaja berusia 16 tahun bermain permainan di Internet dan di tengah-tengah permainannya di ganggu dengan iklan-iklan yang tidak bermoral.

Sudah pasti mereka akan tertarik untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut dan mendorong mereka untuk membuka laman web berkenaan.

Untuk mengatasi masalah ini, peranan ibu bapa adalah penting dalam mengawal aktiviti anak-anak mereka.

Apa yang boleh dilakukan adalah dengan mengaktifkan *pop-up blocker*.

Mereka juga boleh menyekat pembukaan laman-laman web lucu dengan menyenaraikan laman-laman yang tidak diingini ini di penetap (*setting*) pelayar Internet (*browser*) mereka.

Namun begitu kemudahan sebegini hanya terdapat di dalam versi terbaru pelayar-pelayar Internet seperti *Internet Explores*, *Firefox* atau *Opera*.

Walaupunpun pengiklanan Internet yang tidak beretika ini mampu disekat, namun ia tidak bererti sekiranya individu itu sendiri tidak mempunyai kesedaran dari segi moral.

Tepuk dada tanya selera, bagaimana kita hendak menerima dan menepis sesuatu yang tidak baik mendatangi diri kita.